



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PENJENAMAAN SEMULA  
( PEMBUNGKUSAN PRODUK MAKANAN  
SEJUK BEKU BAGI SYARIKAT DURRANI  
LEGACY )**

**Disediakan oleh :**

**NURLIYANA BINTI ABD RAHMAN**

**C17A0263**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW)  
UNIVERSITY MALAYSIA KELANTAN,  
Bachock, Kelantan, MALAYSIA**

**2021**

## ISI KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	
	<b>PENGENALAN</b>	1
2	<b>LATAR BELAKANG KAJIAN</b>	3
3	<b>PERMASALAHAN KAJIAN</b>	4
4	<b>OBJEKTIF KAJIAN</b>	6
5	<b>PERSOALAN KAJIAN</b>	6
6	<b>SKOP KAJIAN</b>	7
7	<b>KEPENTINGAN KAJIAN</b>	7
8	<b>STRUKTUR ORGNISASI KAJIAN</b>	8
9	<b>KESIMPULAN</b>	9
10	<b>BAB 2 : KAJIAN LITERATUR</b>	
	<b>PENGENALAN</b>	10
11	<b>ISU-ISU PEMBUNGKUSAN PRODUK DAN CARA TANGANINYA</b>	11
12	<b>KAJIAN LEPAS</b>	13
13	<b>KESIMPULAN</b>	16
14	<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	
	<b>PENGENALAN</b>	17
15	<b>REKA BENTUK KAJIAN</b>	17
16	<b>KAEDAH PENGUMPULAN DATA</b>	18
	<b>DATA PRIMER</b>	
	<b>DATA SEKUNDER</b>	18
17	<b>KERANGKA PENYELIDIKAN</b>	19
18	<b>KAEDAH MENGANALISIS DATA</b>	20
19	<b>KESIMPULAN</b>	20
20	<b>BAB 4 : PENGUMPULAN DATA DAN ANALISIS</b>	
21	<b>PENDAHULUAN</b>	21
22	<b>ANALISIS DATA</b>	22 - 31

23	<b>PEMBANGUNAN PRODUK KONSEP REKABENTUK LAKARAN AWAL</b>	<b>32 - 36</b>
	<b>LAKARAN AKHIR</b>	<b>37 - 43</b>
24	<b>PRODUK AKHIR</b>	<b>44 - 46</b>
25	<b>RUJUKAN VISUAL</b>	
26	<b>PEMILIHAN WARNA</b>	<b>47-48</b>
27	<b>INFOGRAFIK</b>	<b>49</b>
28	<b>KESIMPULAN</b>	<b>50</b>
34	<b>BAB 5 : KESIMPULAN</b>	
35	<b>KESIMPULAN</b>	<b>51</b>

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah bersyukur ke hidrat Ilahi atas rahmat dan izin dari Nya dapat saya menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya.

Pertama sekali saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Cik Izati Nabila Binti Marzuki yang telah banyak memberi tunjuk ajar , membimbing dan membantu saya dalam menyiapkan projek penyelidikan akhir ini daripada mula sehingga ke akhir kajian saya ini. Segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya amat saya hargai dan diiringi dengan ucapan Terima Kasih. Tanpa bantuan daripada penyelia saya tidak mampu untuk menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Segala ilmu yang diberi juga akan saya praktikkannya di masa akan datang.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan Terima Kasih kepada Ibu Bapa saya iaitu Puan Zabedah binti Abd Latif dan En. Abd Rahman Bin Aripin yang telah banyak berkorban dengan memberi sokongan serta sentiasa mendoakan kejayaan saya. Begitu juga buat keluarga saya yang banyak membantu dalam memberi tunjuk ajar sampingan semasa saya membuat projek penyelidikan ini.

Seterusnya, buat rakan-rakan seperjuangan dalam juga saya ingin memberi sekalung penghargaan dan ucapan Terima Kasih di atas segala maklumat dan ilmu yang berguna yang diberikan sepanjang saya menyiapkan projek penyelidikan ini.

## ABSTRAK

Kajian ini adalah berfokus kepada penjenamaan semula ( pembungkusan produk makanan sejuk beku bagi syarikat Durrani Legacy). Hal ini demikian kerana, melalui pembungkusan yang baik dan menarik dapat meningkatkan lagi pasaran sesebuah syarikat. Kajian yang dijalankan adalah sebagai cadangan kepada syarikat Durrani Legacy terhadap rekabentuk pembungkusan yang akan saya cipta. Kajian ini akan dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui borang soal selidik di google forms yang akan diberikan kepada pelanggan di Syarikat Durrani Legacy dan membuat analisis daripada hasil kajian tersebut dengan mengemukakan dalam bentuk carta pai.

Kata kunci : Penjenamaan, Pembungkusan, Syarikat.

## ABSTRACT

This study is focused on rebranding (packaging of frozen food products for Durrani Legacy company). This is because, through good and attractive packaging, it can further enhance a company's market. The study was conducted as a recommendation to Durrani Legacy company on the packaging design I would create. This study will be conducted using quantitative method i.e. through a questionnaire on google forms that will be given to customers at Durrani Legacy Company and analyze the results of the study by submitting it in the form of pie chart.

Keywords : Branding, Packaging, Company

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 PENGENALAN

Pembungkusan merupakan satu medium atau alat yang membalut dan melindungi sesuatu produk yang akan dipasarkan bagi menjaga kualiti produk terutamanya produk makanan. Melalui pembungkusan, produk makanan dapat dijaga kualitinya agar tidak mudah rosak, pecah, masuk angin (lemau) dan dapat melindungi produk daripada kotoran serta kuman. Pembungkusan yang dipilih haruslah diperbuat daripada bahan yang tepat dan bersesuaian dengan produk. Antara ciri-ciri pembungkusan yang baik adalah menarik, tidak mudah pecah atau rosak, mudah dibawa dan disimpan, dapat disentuh dan dilihat, mempunyai ilustrasi yang menarik, serta mengandungi semua maklumat mengenai produk. Proses pembungkusan juga perlu mengutamakan fungsi kepada pembungkusan sesuatu produk. Hal ini kerana, pembungkusan yang baik amat bergantung kepada fungsinya seperti fungsi dari segi kegunaan semasa dan kegunaan selepas digunakan seperti mudah dibawa dan disimpan.

Pembungkusan yang direka haruslah memberi gambaran yang jelas tentang produk apa yang ingin dipasarkan. Selain penggunaan ilustrasi yang menarik, pembungkusan yang baik juga haruslah bersifat mesra alam yang dapat menjaga alam ini daripada tercemar. Oleh itu, pembungkusan haruslah bersifat 3r yang terbahagi kepada tiga iaitu, *reduce* iaitu dapat mengurangkan jumlah bahan buangan, *reuse* iaitu bahan boleh digunapakai semula, dan *recycle* iaitu bahan pembungkusan boleh dikitar semula.

Dunia pembungkusan ini sudah bermula dari zaman pra-sejarah lagi dimana masyarakat menggunakan bahan semulajadi untuk tujuan penyimpanan dan pembungkusan bahan makanan mereka. Bahan-bahan semulajadi yang

digunakan adalah seperti daun, kulit kayu, kulit binatang, buluh dan lain-lain bertujuan untuk membalut dan melindungi makanan tersebut daripada rosak dan tercemar.

Masyarakat terdahulu hanya menggunakan bahan semula jadi dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai contoh, penggunaan daun pisang digunakan untuk membungkus nasi lemak dan kuih-muih, tidak dinafikan sehingga kini proses pembungkusan nasi lemak menggunakan daun pisang masih digunakan lagi dan rasanya juga lebih enak dan berbau harum. Selain itu, mereka juga menggunakan tanah liat untuk dijadikan tempayan yang digunakan untuk menyimpan air, makanan pepejal mahupun makanan basah. Tempayan yang berisi air mahupun makanan akan ditutupi agar tidak tercemar daripada kotoran dan serangga perosak, tempayan juga memudahkan proses mengangkut dan menyimpan.



## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Syarikat Durrani Legacy Sdn Bhd atau nama lainnya Durrani Frozen ditubuhkan pada tahun 2020 yang dimiliki oleh En. Muhammad Amirul Fatin bin Abd Razak. Syarikat Durrani Legacy mempunyai 6 buah cawangan iaitu di Kuala Selangor sebagai (HQ), Klang, Shah Alam, Melaka, Pulau Pinang dan Tanjung Malim. Syarikat ini merupakan sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan produk makanan sejuk beku. Antara makanan sejuk beku yang dikeluarkan oleh Durrani Frozen adalah pelbagai jenis kuih- muih, aneka jenis air, sos perapan, dan banyak lagi. Selain harga bagi semua produk sejuk beku di syarikat Durrani yang berpatutan, mereka juga ada menawarkan perkhidmatan penghantaran makanan oleh pekerja-pekerja mereka (*runner*). Makanan boleh dipesan melalui dalam talian seterusnya di hantar ke rumah pembeli.

Di sini, pengkaji ingin memfokuskan mengenai penjenamaan semula pembungkusan produk sejuk beku bagi syarikat Durrani Legacy. Dalam hal ini termasuklah, pengkaji ingin membincangkan tentang mengapa produk makanan sejuk beku memerlukan pembungkusan yang sesuai dan harus mempunyai kesemua kriteria serta elemen-elemen pembungkusan makanan sejuk beku. Hal ini kerana, pembungkusan adalah antara perkara yang perlu dititikberatkan dalam mempromosikan produk terutama makanan sejuk beku yang memerlukan

penjagaan yang rapi . Pengkaji ingin mengambil peluang melalui kajian ini untuk membantu syarikat Durrani Legacy supaya dapat menjadikan produk mereka lebih dikenali ramai dan mempunyai identiti yang tersendiri dari segi pembungkusannya agar ia mampu dipasarkan di peringkat antarabangsa dan mampu berdaya saing dengan produk-produk lain yang berada di pasaran.

### 3.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada era moden kini, pelbagai produk makanan dikeluarkan dan berada di pasaran. Dalam masa yang sama, kesemua produk makanan mempunyai pembungkusannya yang tersendiri mengikut idea pengeluar atau usahawan sesuatu perniagaan itu sendiri. Setiap usahawan berdaya saing dalam memastikan pembungkusan produk mereka yang berada di pasaran dapat menarik perhatian pengguna dan mampu kekal berada di pasaran. Seperti yang kita lihat, pelbagai jenis pembungkusan produk makanan masa kini. Namun, pada masa yang sama ada segelintir pengusaha produk makanan yang tidak menitikberatkan mengenai pembungkusan produk makanan yang baik dan mempunyai kesemua kriteria pembungkusan yang sewajarnya.

Terdapat beberapa permasalahan dalam kajian ini iaitu, melalui kajian pemerhatian yang dijalankan pada pembungkusan produk sejuk beku syarikat Durrani Legacy adalah pembungkusan produk sejuk beku syarikat Durrani Legacy kurang menarik. Produk makanan sejuk beku tersebut mempunyai pembungkusan yang cukup mudah dan kelihatan kurang menarik yang hanya menggunakan pembungkusan jenis plastik lutsinar. Pembungkusan jenis plastik lutsinar ini mudah koyak dan jika tidak dikemaskan dengan betul, kuih-kuih frozen yang lembut dan rapuh akan mudah rosak dan pecah. Apabila sesuatu produk makanan rosak, maka pembeli tidak akan membeli produk tersebut lagi. Menurut (Bogue, 2001; Lord, 1999;

Buisson, 1995; Fuller, 1994; Rudolph, 1995), “sehingga 71 hingga 88 peratus daripada pengeluar gagal mempertahankan kedudukan produk keluaran mereka dalam pasaran”. Sesuatu pembungkusan haruslah kelihatan menarik dalam mempromosikan sesuatu produk agar pengguna akan tertarik untuk membeli apabila melihat pembungkusan yang cantik, kemas, dan mempunyai kelebihan yang tersendiri. Perkara paling penting adalah, pembungkusan itu sendiri haruslah mampu melindungi produk tersebut.

Selain itu, permasalahan yang kedua adalah pembungkusan produk sejuk beku di Syarikat Durrani Legacy tidak menepati kesemua elemen-elemen pembungkusan makanan. Antara elemen-elemen dalam pembungkusan makanan yang harus dititikberatkan adalah dari segi warna, ilustrasi, reka bentuk, penerangan, tipografi, bentuk pembungkusan, kemasan dan juga logo halal, logo syarikat, nama dan alamat syarikat serta bahan-bahan perlu disertakan pada pembungkusan makanan. Apabila kesemua elemen pembungkusan ada pada sesuatu pembungkusan, maka pembungkusan tersebut adalah pembungkusan yang baik.

Hal ini kerana “persepsi pengguna juga perlu diambil kira dalam menentukan sesuatu pembungkusan produk makanan itu baik ataupun tidak dalam memastikan keberkesanan strategi pemasaran produk” (Ampeuro san Vila, 2006).

Seterusnya, permasalahan kajian yang melibatkan jenis pembungkusan yang sesuai untuk produk sejuk beku. Produk sejuk beku memerlukan jenis pembungkusan yang sesuai. Apabila menggunakan jenis pembungkusan plastik maka pastikan menggunakan plastik jenis PE. Plastik jenis PE adalah berwarna kelabu atau pudar dan ianya bersifat tidak mudah koyak. Ciri plastik ini sangatlah sesuai untuk produk sejuk beku kerana plastik ini akan disimpan dalam *freezer* bersuhu  $-18^{\circ}\text{C}$  sehingga  $-23^{\circ}\text{C}$ . Jika salah dalam memilih jenis pembungkusan plastik, plastik berkemungkinan akan pecah atau koyak apabila beku. Selain itu, boleh juga menggunakan jenis pembungkusan yang lain tetapi pastikan sesuai dengan suhu sejuk supaya pembungkusan dan produk makanan tidak rosak.

#### 4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif yang berikut :

1. Menenalpasti pembungkusan yang sesuai bagi produk sejuk beku.
2. Menentukan jenis pembungkusan yang sesuai dan baik untuk produk sejuk beku.
3. Menghasilkan pembungkusan yang menarik bagi produk sejuk beku syarikat Durrani Legacy.

#### 5.0 PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini juga pengkaji haruslah mengetahui persoalan-persoalan yang berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih agar menjadi salah satu cara untuk memudahkan pengkaji mengumpul data yang diperlukan untuk mencapai objektif kajian. Persoalan kajian juga dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat berserta bukti yang kukuh. Secara khususnya, kajian ini adalah menjurus kepada beberapa persoalan seperti :

1. Bagaimanakah pembungkusan yang sesuai bagi produk sejuk beku ?
2. Bagaimana bentuk dan jenis pembungkusan yang baik dan menjamin keselamatan produk sejuk beku ?
3. Bagaimana untuk menghasilkan pembungkusan produk sejuk beku yang menarik bagi produk sejuk beku syarikat Durrani Legacy ?

## 6.0 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada pemilihan pembungkusan yang tepat, baik dan menarik bagi produk makanan sejuk beku di Syarikat Durrani Legacy. Dalam kajian ini, pengkaji ingin menjalankan kajian terhadap permasalahan yang terdapat di syarikat Durrani Legacy. Skop kajian ini juga ingin mencadangkan pembungkusan yang terbaik supaya imej syarikat dapat dijaga, kualiti produk juga dapat dikekalkan. Skop kajian ini akan menjadi sasaran kajian yang memudahkan pengkaji untuk membuat kajian. Selain itu, pengkaji juga telah berhubung secara atas talian dengan pengurus syarikat bagi mendapatkan serba sedikit maklumat berkaitan dengan syarikat dan dapat mengetahui kelemahan dan kelebihan syarikat. Oleh itu, pengkaji telah mencadangkan beberapa maklumat melalui kajian ini untuk membantu syarikat Durrani Legacy dalam menyelesaikan segala permasalahan syarikat demi kebaikan syarikat untuk masa yang akan datang.

## 7.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini penting untuk :

1. Mempromosikan makanan sejuk beku
2. Mengenalpasti bentuk dan jenis pembungkusan yang baik dan menjamin keselamatan produk
3. Menghasilkan satu bentuk pembungkusan yang menarik dan memenuhi kriteria pembungkusan makanan sejuk beku.

## 8.0 STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah membahagikan subtopik kajian kepada tiga bab iaitu merangkumi bab satu, bab dua, dan bab tiga. Di dalam bab satu, pengkaji telah membincangkan secara umumnya tentang pengenalan kajian iaitu mengandungi serba sedikit mengenai maklumat syarikat, definisi dan maklumat berkaitan tajuk, objektif yang hendak dicapai, permasalahan kajian, persoalan kajian yang berkaitan dengan tajuk, skop kajian, dan kepentingan kajian. Dalam bab satu ini, maklumat yang dihuraikan secara terperinci mengenai tajuk kajian yang dijalankan.

Selain itu, di dalam bab dua pula, pengkaji telah menghuraikan perbincangan yang menjurus kepada kajian literatur yang dipetik dari kajian-kajian lepas dan pengkaji telah membuat huraian terhadap kajian lepas yang disertakan.

Seterunya, bab tiga dalam kajian ini adalah mengenai metodologi kajian yang telah digunakan oleh pengkaji bagi mencapai objektif kajian. Metodologi kajian umumnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu secara kualitatif dan kuantitatif. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui pemerhatian, soal selidik dan juga maklumat melalui laman sesawang bagi menjayakan kajian ini.

## 9.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, seperti yang kita tahu di dalam dunia perniagaan yang kian mencabar kini, usahawan yang berjaya seharusnya mempunyai sifat tidak mudah mengalah dan berputus asa apabila ditimpa ujian kerana semua tahu di dalam dunia perniagaan ada fasa turun dan naik. Usahawan juga harus bijak dalam menyelesaikan masalah, proaktif, berani mencuba dan mencari peluang, seorang yang kreatif, berpandangan jauh serta banyak lagi sifat usahawan yang berjaya. Apabila seseorang usahawan menceburi bidang perniagaan produk makanan, aspek utama yang perlu dititikberatkan adalah kualiti produk lebih-lebih lagi produk sejuk beku yang perlu dijaga mutu makanan tersebut. Produk makanan yang sedap adalah kelebihan bagi sesebuah syarikat tersebut kerana produk makanan yang memiliki rasa sedap dan enak akan membuatkan pembeli akan membeli lagi. Tetapi rasa bagi sesuatu produk makanan tidak dapat ditentukan sebelum pembeli berhasrat untuk membeli produk tersebut. Oleh yang demikian, pembungkusan produk makanan juga perlu dititikberatkan agar pembeli dapat membuat keputusan untuk mencuba produk tersebut. Pembungkusan haruslah menarik, pemilihan yang tepat agar dapat menjaga kualiti, dan juga pembungkusan haruslah mempunyai kriteria pembungkusan yang baik supaya dapat menarik hati pembeli. Apabila pembeli sudah membeli, dan mereka sudah merasa keenakkan produk makanan tersebut, maka mereka akan yakin untuk membeli lagi.

UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN



**BAB 2**  
**KAJIAN LITERATUR**

**2.0 PENGENALAN**

Menurut “Amani Dahaman (2011), kajian literature merupakan ulasan maklumat yang dianalisis daripada jurnal, prosiding, buku-buku, artikel ilmiah, penyelidikan-penyelidikan lepas (tesis) dan juga sumber lain yang berkaitan dengan topik sesuatu kajian untuk satu kajian penyelidikan yang baru”. Kajian literature adalah pengumpulan data dan maklumat penyelidik tentang permasalahan yang sedang dikaji.

Pembungkusan merupakan antara elemen yang penting dalam memasarkan sesuatu produk terutamanya produk makanan bagi menjamin keselamatan produk. Dalam hal ini, usahawan perlulah memainkan peranan penting dalam menentukan kaedah pembungkusan yang tepat dan bersesuaian bagi sesuatu produk yang akan dipasarkan. Kaedah pembungkusan produk adalah salah satu elemen penting yang perlu dititikberatkan sebelum sesuatu produk itu dipasarkan.

Hal ini kerana, produk makanan merupakan produk yang menjadi keperluan harian kepada pengguna. Kaedah pembungkusan produk merangkumi bagaimana produk tersebut dibungkus, bahan yang dipilih dan akan digunakan dalam proses pembungkusan, ciri-ciri dan kriteria yang perlu ada dalam sesuatu pembungkusan agar sesuatu produk mudah untuk masuk ke dalam pasaran dan dapat bersaing di dalam dunia pasaran. Ciri pembungkusan yang terbaik adalah dapat memenuhi kriteria pembungkusan yang baik dan dapat menarik perhatian pengguna. Oleh itu, selain daripada pemilihan pembungkusan yang baik, pembungkusan yang menarik dan kreatif juga dapat menarik perhatian pengguna.



## 2.1 ISU-ISU PEMBUNGKUSAN PRODUK DAN CARA TANGANINYA

### 1. 1 Isu-Isu Pembungkusan Produk Dan Cara Tanganinya

Antara isu-isu pembungkusan produk yang biasa terjadi adalah apabila terdapat banyak persaingan di dalam dunia perniagaan. Apabila berlakunya persaingan, usahawan perlulah memainkan peranan yang penting dalam mengambil peluang dan juga bijak dalam mengatur strategi bagi membolehkan produk tersebut kekal bertahan dalam pasaran. Hal ini kerana “persaingan di dalam dunia perniagaan semakin mencabar” “(Stewart-Knox and Mitchell, 2003; Bogue, 2002; Harmsen, 1994)”. Oleh yang demikian, pembungkusan yang baik haruslah agar produk dapat bersaing dengan lebih baik di masa akan datang.

Terdapat pelbagai langkah-langkah dalam meningkatkan inovasi pembungkusan produk masa kini. Antara langkah-langkahnya adalah melalui penggunaan teknologi. Pelbagai mesin, alat, *software* dan kaedah yang canggih dan berteknologi tinggi yang boleh digunakan dalam dunia perniagaan khususnya bagi proses menghasilkan pembungkusan yang terbaik.

Selain itu, Uusahawan yang mahir dalam dunia grafik juga boleh mencipta rekabentuk pembungkusan yang baik dan menarik, akan tetapi jika usahawan tiada bakat dalam dunia grafik maka usahawan boleh mendapatkan khidmat pereka *design* yang sudah pasti mahir dalam dunia rekabentuk dan rekacipta pembungkusan. Pembungkusan yang menarik adalah dari segi bentuk dan kemasan sesuatu pembungkusan itu. Malah, pembungkusan juga akan kelihatan menarik apabila label yang ada pada pembungkusan itu juga dapat menarik perhatian pembeli. Label pada pembungkusan kebiasaannya menggunakan rekaan dalam grafik. Rekaan

dalam grafik dapat direka mengikut kesesuaian saiz dan bentuk pembungkusan seperti pembungkusan jenis botol plastik dan botol kaca, kotak, tin aluminium, ataupun plastik PVC dan lain-lain jenis pembungkusan dapat direka khas pada sesuatu jenis pembungkusan tersebut mengikut kehendak usahawan.

## **2. Isu Label Pada Pembungkusan Produk Makanan**

Pada setiap pembungkusan bagi sesuatu produk yang akan dikeluarkan dan diasarkan seharusnya mempunyai pelabelan yang sempurna. Hal ini demikian kerana, pelabelan makanan pada pembungkusan telah pun digariskan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 dilihat sebagai satu inisiatif kerajaan bagi melindungi kepentingan pengguna dan menjamin kualiti produk makanan yang dikeluarkan. Akta pelabelan makanan ini tidak terkecuali juga bagi Pengusaha Kecil Dan Sederhana (IKS).

Namun, peraturan pelabelan makanan pada pembungkusan ini hanyalah pilihan, dan tiada halangan bagi pengusaha yang tidak mahu meletakkan pelabelan makanan pada pembungkusan produk makanan mereka. Tiada penetapan yang wajib dipraktikkan di Malaysia. Tetapi pelabelan makanan mandatory telah dikuatkuasa bagi beberapa jenis produk makanan seperti, susu formula bayi yang diwajibkan dilabelkan mengikut Peraturan-peraturan Makanan 1985.

Dalam hal ini, pengkaji berpendapat bahawa, dengan adanya pelabelan pada pembungkusan makanan, maka produk tersebut tidak perlu diragui tentang kualiti dan keselamatannya. Usaha ini dapat melindungi hak pengguna di Malaysia. Namun, jika undang-undang pelabelan ini diwajibkan

bagi kesemua produk makanan yang berada di Malaysia ini adalah lebih baik.

## **2.2 KAJIAN LEPAS**

### **2.1.1 Definisi Pembungkusan**

Pembungkusan bermaksud satu alat yang memerlukan seni dan teknologi untuk menutup atau melindungi sesuatu produk yang akan dipasarkan. Sesebuah pembungkusan adalah satu elemen yang sangat penting dalam dunia grafik dan perniagaan. Menurut "(Landa (1996)", "sesebuah pembungkusan itu apabila dipasarkan, secara tidak langsung ia akan bersaing dengan produk yang ada disebelahnya atau di sekelilingnya".

Bagi setiap usahawan yang mengelolakan sebuah syarikat dan perniagaan samada perniagaan pakaian, produk kesihatan dan kecantikan, makanan mahupun perniagaan IKS semestinya memerlukan pembungkusan bagi setiap produk-produk yang akan dikeluarkan bagi menjamin keselamatan produk.

Maka secara tidak langsung "kepentingan pembungkusan kini telah meningkat" (Silayoi and Speece, 2004; Nancarrow et al., 1998; Bloch, 1995).

### **2.1.2 Jenis Pembungkusan Yang Baik**

Pembungkusan juga akan melambangkan bahawa "pembungkusan merupakan ciri-ciri khas produk atau melambangkan identiti sesuatu syarikat tersebut. Ada pendapat daripada "Evans dan Berman (1992)" sifat produk".

Menurut "Mahani Amat, Suraiya Ishak (2019) dalam kajian mereka, pembungkusan produk makanan memainkan peranan penting untuk

menarik minat pengguna. Terdapat banyak produk makanan berkualiti yang dihasilkan oleh usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), tetapi gagal masuk ke pasaran luar. Hal ini disebabkan oleh penampilan pembungkusan yang kurang menarik dan pembungkusan yang tidak mencapai piawaian yang ditetapkan. Selain itu, penggunaan bahan pembungkusan yang tidak tepat dan kaedah pembungkusan yang tidak efektif juga akan mengurangkan jangka hayat produk. Oleh itu penting bagi usahawan IKS untuk mempraktikkan ciri pembungkusan yang berinovatif bagi meningkatkan jualan dan jangka hayat produk.”

Oleh yang demikian, kaedah pembungkusan sememangkan satu elemen yang harus dititikberatkan dalam memasarkan sesuatu produk terutamanya produk makanan. Dalam proses pembungkusan, usahawan perlu mempraktikkan seni reka bentuk bagi mencantikkan dan dapat membalut serta membungkus sesuatu produk supaya dapat melindungi produk tersebut. Bagi mereka yang pakar dalam menggunakan Adobe Illustration, mereka boleh mencipta sendiri pembungkusan mengikut citarasa sendiri Antara medium

pembungkusan termasuklah kertas dan cardboard kertas, bahan-bahan yang diperbuat dari plastik seperti botol dan bekas makanan, aluminium seperti tin minuman ringan, dan bahan-bahan yang dikitar semula.

Selain itu, kepentingan pembungkusan produk yang dihasilkan, “(L.E.Wells, H. Farley dan G.A. Armstrong (2007)” adalah “penyelidikan tentang kepentingan pembungkusan bagi produk makanan dengan memahami bagaimana pengguna menilai label pada pembungkusan makanan dan mengenalpasti factor yang mendorong keputusan membeli oleh pengguna”. Hasil yang didapati adalah pengaruh pada

pembungkusan akan mempengaruhi pengguna untuk membeli sesuatu produk.

### 2.1.3 Kepentingan Pemilihan Pembungkusan Produk Makanan

Menurut “(Pengarang Nor Salasiah Mohamed, Ashadi Yaacob @ Ramli Pejabat Ketua Pengarah, Mazliana Baharudin) (2020)” dalam kajian mereka, “pembungkusan memainkan peranan penting dalam pemprosesan makanan. Pemilihan bahan pembungkusan juga

bergantung pada pasaran dan hasil tersebut. Bagi pasaran secara kecil-kecilan, penggunaan plastik LDPE (polietilena berketumpatan rendah) boleh digunakan. Walau bagaimanapun, bagi pasaran di pasar raya dan restoran, penggunaan bekas plastik bertutup dan boleh dipanaskan dengan ketuhar gelombang mikro adalah dicadangkan. Dalam kajian ini, sata yang telah disejukkan secara bagas disusun di dalam dulang plastik LDPE atau HDPE (polietilena berketumpatan tinggi) dan dibungkus menggunakan plastik LDPE. Sata moden disimpan pada suhu  $-20\text{ }^{\circ}\text{C}$ . Jangka hayat produk adalah selama 12 bulan pada suhu sejuk beku ( $-20\text{ }^{\circ}\text{C}$ ). Selain bahan pembungkusan yang sesuai, label juga memainkan peranan penting dalam pemasaran hasil keluaran di samping menarik minat pelanggan untuk membeli”.

## 2.2 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengguna sebenarnya mempunyai persepsi dan penilaian yang tersendiri dari apa yang mereka lihat pada pembungkusan sesuatu produk dan pengguna akan membandingkan sesuatu produk itu dengan produk yang lainnya. Oleh yang demikian, para usahawan haruslah menitikberatkan jenis pembungkusan mempunyai kesemua kriteria pembungkusan yang baik dan dapat menarik perhatian pengguna. Hal ini adalah, supaya produk yang dikeluarkan akan kekal berada dalam pasaran dan keuntungan syarikat akan meningkat dari masa ke semasa. Semua ini adalah demi kebaikan syarikat dan juga pengguna. Melalui produk yang baik, berkualiti, dan dari segi pembungkusan juga terbaik dan menarik, maka produk tersebut akan melambangkan identity sesebuah syarikat yang menjadi pengeluar kepada sesuatu produk tersebut. Tidak dinafikan bukan mudah untuk menjadikan sesuatu produk itu kekal dalam ingatan pengguna sebagai produk yang baik, tetapi sebagai usahawan, kita perlulah bijak dalam mengambil peluang demi mendapat tempat dalam pasaran. Selain itu, pembungkusan yang kurang menarik itu tidak perlu ditukar kepada pembungkusan yang lain, malah usahawan perlu menambahbaik

pembungkusan yang sedia ada kepada pembungkusan yang lebih baik. Hal ini kerana, pengguna telah pun kenal dengan pembungkusan yang sedia ada. Penambahbaikkkan yang perlu dilakukan adalah dari segi maklumat pada label, warna, dan tipografi agar kelihatan lebih menarik dan setaraf dengan produk lain yang berada di pasaran.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Metodologi kajian merupakan subtopik yang sangat penting dalam melakukan penyelidikan. Hasil kajian yang diperolehi juga sangat penting kerana ianya bergantung kepada metodologi yang digunakan dalam sesebuah kajian. Tanpa metodologi kajian yang jelas, data yang diperolehi juga akan menjadi tanda tanya dan keseluruhan kajian juga akan diragukan.

Oleh yang demikian, dalam bahagian ini pengkaji akan menghuraiukan tentang metodologi, kaedah pengumpulan data yang digunapakai dalam kajian ini. Hal ini bagi memastikan pengkaji dapat menghasilkan metodologi yang baik dan kajian yang kukuh.

#### **31. REKA BENTUK KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mencadangkan dan menyalurkan maklumat mengenai pembungkusan yang baik, tepat dan menarik bagi syarikat Durrani Legacy. Kajian ini juga memberi peluang kepada syarikat Durrani untuk menambahbaik lagi kualiti pembungkusan produk mereka. Menurut "Najib (2001) bahawa kaedah tinjauan adalah merupakan satu kajian di mana pengkaji akan mengumpul maklumat dan data dalam satu masa tertentu sahaja dan kebiasaannya akan menggunakan kaedah soal selidik". Maka, kaedah ini akan menggunakan soal selidik di google forms sebagai medium utama dalam memungut dta secara kuantitatif. Di dalam google forms tersebut terdapat empat bahagian iaitu bahagian A, B responden, C dan bahagian yang terakhir adalah bahagian D iaitu terdiri daripada soalan-soalan yang berkait rapat dengan kajian yang dijalankan bagi mendapatkan data kajian seperti yang di bawah :



- a. Bahagian A : Data demografi responden termasuk umur dan jantina.
- b. Bahagian B : Status pekerjaan responden.
- c. Bahagian C : Set soalan bagi mengukur tahap pemahaman responden terhadap dunia perniagaan dan pembungkusan.
- d. Bahagian D : Set soalan mengenai cadangan dan pandangan responden terhadap pembungkusan yang baik, pemilihan jenis pembungkusan yang tepat, dan pembungkusan yang menarik.

### **32. KAEDAH PENGUMPULAN DATA**

Kaedah merupakan cara atau jalan dalam menyelesaikan permasalahan penyelidikan. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kuantitatif. Kaedah kuantitatif merupakan satu kajian yang dikumpul secara umumnya ia lebih bersifat analisis statistik, iaitu pengiraan-pengiraan seperti min, mod dan median, peratusan, sisihan piawai, skor-Z, skor-T, varian dan sebagainya. Maka hasil kajian lebih terperinci dan jelas. Istilah “kuantiti” dapat dijelaskan dengan bilangan yang dinyatakan adalah tepat.

#### **3.2.1 DATA PRIMER**

##### **KAEDAH KUANTITATIF**

Menurut Rohans Yusof (2003 : 146) ialah satu inisiatif untuk membentuk prinsip dan peraturan umum yang mengandaikan reality sosial sebagai objektif yang Pengkaji telah membuat soalan soal selidik menggunakan *google forms*. Melalui kaedah ini pengkaji telah mendapat sebanyak 51 orang responden mengenai kajian ini.



## DATA SEKUNDER

Selain itu, pengkaji membuat penyelidikan dan pemerhatian dengan memuat turun di internet. Pengkaji telah menggunakan kemudahan ict yang terdapat dalam negara ini dengan melayari laman sesawang yang berkaitan dengan kajian dan pengkaji turut memuat turun bahan yang berkaitan sebagai rujukan.

## KERANGKA PENYELIDIKAN



### 3.1 KAEDAH MENGANALISIS DATA

Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data berdasarkan soalan-soalan yang dinyatakan dalam google forms yang berkaitan dengan tajuk kajian. Semua keputusan yang diperolehi dibentangkan dalam bentuk carta pai. Hasil dapatan kajian yang diperolehi adalah bertujuan untuk menghuraikan jawapan kepada persoalan kajian yang dinyatakan.

### 3.2 KESIMPULAN

Penyelidikan ini adalah dikaji dengan gabungan dari kaedah soal selidik iaitu melalui borang soal selidik yang dihasilkan oleh pengkaji melalui google forms dan juga data yang diperolehi melalui laman sesawang. Kesimpulannya, tujuan pengkaji memilih kaedah kuantitatif dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan data dengan lebih tepat melalui angka dan peratusan yang tertera di carta pai.

Setiap data yang diperolehi dari responden akan dipaparkan dengan lebih jelas. Keputusan kajian akan dibincangkan dalam bab seterusnya. Dengan ini, pengkaji berharap agar dapat memberi gambaran yang jelas mengenai kajian ini.

## BAB 4 : PENGUMPULAN DATA DAN ANALISIS

### 4.0 PENDAHULUAN

Bab ini adalah berkaitan mengenai analisis data dan pembangunan produk. pengkaji akan menerangkan secara terperinci mengenai pengumpulan dan analisis data yang telah dijalankan berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji akan menunjukkan hasil kajian yang telah diperolehi melalui kaedah yang digunakan oleh pengkaji iaitu kaedah kuantitatif dengan menyediakan borang soal selidik di *google forms* dan telah diedarkan kepada pelanggan di Syarikat Durrani Legacy bagi mencapai objektif kajian. Soal selidik telah diberikan kepada responden seramai 51 orang. Soal selidik yang dilakukan adalah berkisarkan kepada soalan yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu mengenai pembungkusan.


Seperti yang telah dinyatakan di dalam bab sebelum ini, analisis dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian A mengenai latar belakang responden, bahagian B pula terdiri daripada soalan yang berkaitan dengan pembungkusan, bahagian C pula soalan yang terdiri daripada cadangan dan pendapat responden mengenai pembungkusan.

Analisis data yang dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk maklum balas daripada responden berdasarkan soalan soal selidik tersebut. Analisis melalui *google forms* ditunjukkan dalam bentuk carta pai bagi mudah untuk memahami hasil kajian tersebut.

Seterusnya, di dalam bab ini juga, pengkaji akan menerangkan mengenai proses-proses pembangunan produk yang akan dilakukan iaitu produk pembungkusan makanan sejuk beku contohnya pembungkusan kuih-kuih sejuk beku. Proses yang akan ditunjukkan adalah berperingkat dari fasa pertama sehingga fasa terakhir untuk mencipta produk tersebut.


## 4.1 Analisis Data

### 4.1.1 Bahagian A : Latar Belakang Responden



**Carta 1 : Kategori Jantina Responden**


Berdasarkan carta 1 di atas, data yang telah diperolehi melalui soal selidik bagi jantina responden menunjukkan seramai 51 orang responden yang telah menjawab soal selidik ini. Seramai 27 orang (52.9%) responden terdiri daripada perempuan, manakala seramai 24 orang (47.1%) responden terdiri daripada lelaki. Oleh yang demikian, kaum perempuan lebih ramai daripada kaum lelaki yang telah menjawab soal selidik ini.



**Carta 2 : Kategori Umur Responden**


Seramai 12 orang (23.5%) responden yang berumur bawah 20 tahun. Seramai 28 orang (54.9%) pula responden yang berumur 21 – 30 tahun. Seterusnya,

seramai 8 orang (15.7%) responden yang berumur 31 – 40 tahun. Akhir sekali, seramai 3 orang (5.9%) responden yang berumur 41 tahun dan ke atas.



**Carta 3 : Kategori Status Pekerjaan Responden**

Pada bahagian status pekerjaan responden pula, seramai 6 orang (11.8%) responden yang bekerja di sektor awam. Seramai 13 orang (25.5%) pula responden yang bekerja di sektor swasta. Manakala, seramai 14 orang (27.5%) responden yang bekerja sendiri. Seramai 18 orang (35.3) pula responden yang tidak bekerja.



**Carta 4 : Kategori Kawasan Tempat Tinggal Responden**

Pada bahagian tempat tinggal responden pula adalah menunjukkan seramai 25 orang (49%) responden yang tinggal di kawasan Bandar. Manakala seramai 26 orang (51%) pula responden yang tinggal di kawasan luar Bandar.

#### 4.1.2 Bahagian B




**Carta 5 : Soalan 1**

Carta 5 di atas adalah bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan responden mengenai maksud pembungkusan. Seramai 37 orang (72.5%) responden yang mengetahui maksud pembungkusan. Namun, seramai 14 orang (27.5%) pula responden yang “Tidak” mengetahui apa itu pembungkusan.



**Carta 6 : Soalan 2**

Pada carta 6 di atas menunjukkan soalan 2 di bahagian B iaitu untuk mengkaji tahap kepekaan responden mengenai kepentingan peniaga untuk betul-betul memahami maksud pembungkusan. Seramai 38 orang (74.5%) mengatakan “Ya”. Manakala seramai 13 orang (25.5%) pula mengatakan “Tidak”.



**Carta 7 : Soalan 3**

Carta 7 pula menunjukkan soalan 3 yang ingin mengkaji sama ada pembungkusan penting atau tidak dalam dunia perniagaan. Melalui kajian, seramai 50 orang (98%) responden memilih “Ya”, namun terdapat seorang (2%) mengatakan Tidak.



**Carta 8 : Soalan 4**


Melalui carta 8 ini, kajian mendapati seramai 33 orang (64.7%) memilih jawapan “Ya”, manakala seramai 18 orang (35.3%) mengatakan Tidak bagi soalan 4 ini mengenai pendapat mereka bahawa pembungkusan akan melambangkan identity syarikat ataupun “Tidak”.





**Carta 9 : Soalan 5**

Seramai 45 orang (88.2%) responden yang juga pelanggan mengatakan “Ya” iaitu pembungkusan makanan yang diterima dalam keadaan baik apabila sampai kepada mereka. Namun seramai 6 orang (11.8%) mengatakan “Tidak” dengan kata lain pembungkusan yang diterima oleh mereka mungkin mengalami kerosakkan.



**Carta 10 : Soalan 6**

Carta 10 menunjukkan keputusan 100% daripada responden iaitu responden menganggap pemilihan pembungkusan amat penting dalam mempromosikan sesuatu produk.



**Carta 11 : Soalan 7**

Carta 10 menunjukkan hampir kesemua responden memilih “Ya” iaitu seramai 50 orang (98%) responden bersetuju bahawa warna juga memainkan peranan penting terhadap pembungkusan. Namun seorang (2%) responden mengatakannya “Tidak”.



**Carta 12 : Soalan 8**

Keputusan di carta 12 juga sama seperti di carta sebelumnya iaitu seramai 50 orang (98%) responden bersetuju dengan keterangan bahawa pemilihan tipografi juga penting pada setiap pembungkusan. Namun terdapat seorang (2%) responden “Tidak” bersetuju.

### 4.1.3 Bahagian C



**Carta 13 : Soalan 1**

Seramai 21 orang (41.2%) responden mengatakan “Ya”. Seramai 15 orang (29.4%) responden mengatakan “Tidak”. Manakala, seramai 15 orang (29.4%) juga yang memilih jawapan Tidak pasti bagi soalan mengenai pemilihan pembungkusan makanan sejuk beku di Durrani Legacy.



**Carta 14 : Soalan 2**


Seramai 10 orang (19.6%) responden mengatakan “Ya”. Manakala, seramai 41 orang (80.4%) responden yang mengatakan “Tidak”.

## 4.3 PEMBANGUNAN PRODUK

### 4.3.1 Konsep Reka Bentuk


#### i. Lakaran Awal

Lakaran awal merupakan proses awal dalam membangunkan produk pembungkusan dan poster ini. Peringkat awal ini, pengkaji akan mengeluarkan dan mengembangkan idea-idea dalam menjadikan produk kelihatan lebih menarik. Perisian yang telah dipilih oleh pengkaji dalam penghasilan pembungkusan dan poster ini adalah *Adobe Illustration* dan *Adobe Photoshop*. Pada peringkat awal pengkaji telah menggunakan *Adobe Illustration* untuk menghasilkan lakaran pembungkusan dan poster tersebut. Di sinilah proses pemilihan warna dan tipografi yang dijalankan oleh pengkaji. Di bawah ini, pengkaji akan menunjukkan cara-cara dalam membuat pembungkusan dan poster tersebut.




Rajah 1

Pada proses yang pertama adalah, pengkaji akan menggunakan *Adobe Illustration* dengan membuka kertas baru dengan menekan “new” dan meletakkan saiz kertas yang akan digunakan untuk pembungkusan iaitu bersaiz 36cm x 30cm.




**Rajah 2**

Pengkaji akan memilih “*rectangle tool*” dan klik 2 kali untuk membuat ukuran pembungkusan tersebut iaitu pengkaji menggunakan saiz 20cm x 25cm.



**Rajah 3**

Seterusnya, apabila sudah keluar bentuk segi empat tepat tersebut, pengkaji memilih warna merah sebagai warna utama untuk pembungkusan ini.




Rajah 4

Seterusnya, pengkaji menggunakan “pen tool” untuk membuat bentuk di sebelah sisi pembungkusan ini dan telah menggunakan warna kuning + jingga. Pengkaji juga telah memilih rectangle tool untuk menghasilkan bentuk yang berada di bahagian bawah pembungkusan dan pengkaji telah mengenakan warna ungu.




Rajah 5

Pada bahagian ini pula, pengkaji akan memasukkan gambar donut dan daun sebagai hiasan dan menyusun gambar-gambar tersebut mengikut kreativiti sendiri.



Rajah 6

Setelah gambar siap disusun, pengkaji akan menaip tipografi yang diperlukan pada pembungkusan tersebut seperti nama produk, bilangan makanan, keistimewaan makanan, penerangan penyimpanan, *tagline* dan seterusnya pengkaji memasukan gambar logo syarikat, logo halal, logo mesti, dan logo buatan Malaysia.



Rajah 7

Apabila proses menyiapkan bahagian hadapan pembungkusan telah selesai, pengkaji mengulang cara yang sama untuk membuat pembungkusan bahagian belakang pula.





Rajah 8

Pada rajah ini adalah pembungkusan bahagian belakang yang sudah siap.




Rajah 9

Seterusnya, untuk pembungkusan yang kedua pula, pengkaji menggunakan cara yang sama seperti cara menyiapkan pembungkusan yang pertama tadi. Di atas adalah gambaran pembungkusan yang kedua bahagian depan dan belakang.




## ii. LAKARAN AKHIR

Seterusnya, pada proses akhir pengkaji telah menggunakan *Adobe Photoshop* untuk menjadikan gambaran pembungkusan dan poster tersebut kelihatan hidup dan kelihatan nyata.




Rajah 10

Seterusnya, untuk membuat kemasan terakhir bagi menampilkan pembungkusan tersebut kelihatan lebih menarik dan nyata pengkaji telah menggunakan perisian *Adobe Photoshop*.




Rajah 11

Pengkaji akan menekan “open” untuk memasukkan gambar pembungkusan.




Rajah 12

Seterusnya, pengkaji akan klik 2 kali pada *layer* “add your design”.



Rajah 13

Setelah klik 2 kali pada *layer* “add your design” tersebut maka akan keluar seperti rajah di atas.



Rajah 14

Seterusnya, pengkaji akan copy design tersebut daripada perisian Adobe Illustration, kemudian paste di Adobe Photoshop.




Rajah 15

Kemudian, padankan gambar mengikut saiz pembungkusan yang telah diberi tersebut maka terhasil lah begini.




Rajah 16

Seterusnya, pengkaji akan klik save terlebih dahulu untuk menghasilkan proses “wrap” design pembungkusan tersebut pada mockup. Dan ulang langkah yang sama bagi pembungkusan bahagian belakang.



Rajah 17

Setelah selesai “copy” dan “paste” pengkaji akan menekan pada kertas yang pertama dan design telah di wrap kan pada mockup tersebut.



Rajah 18

Seterusnya, ulang langkah yang sama seperti di atas untuk pembungkusan di bahagian belakang pula.




Rajah 19

Proses menyiapkan design pembungkusan yang kedua bahagian hadapan dan belakang menggunakan *Adobe Illustrator*.



**Rajah 20**


Bagi menyiapkan pembungkusan yang kedua pula, pengkaji akan mengulang langkah-langkah yang sama seperti membuat pembungkusan yang pertama iaitu menyiapkan *design* di *Adobe illustration*, kemudian pada langkah terakhir iaitu kemasan. Pengkaji akan membuat kemasan terakhir di *Adobe Photoshop*. Rajah 19 menunjukkan gambaran pembungkusan bahagian hadapan.



**Rajah 21**

Rajah 21, pula menunjukkan gambaran pembungkusan bahagian belakang pula yang telah siap dikemaskan.





Rajah 22

Pada rajah 22, pengkaji telah menyiapkan poster untuk pembungkusan produk yang pertama menggunakan *Adobe Illustration*.



Rajah 23

Pada rajah 23 pula, menunjukkan gambaran poster yang kedua yang telah direka oleh pengkaji.

## 4.4 PRODUK AKHIR

### 4.4.1 Rujukan Visual

#### i. Pembungkusan Produk Donut





ii. Pembungkusan Produk Karipap



lii. Poster Produk



 DurraniBites  0123456789  Durrani Frozen  NO 39/1, Jalan Peninsula Utama 1, Peninsula Park, 45000 Kuala Selangor, Selangor



 DurraniBites  0123456789  Durrani Frozen  NO 39/1, Jalan Peninsula Utama 1, Peninsula Park, 45000 Kuala Selangor, Selangor

## 4.5 PEMILIHAN WARNA

### i. Pembungkusan Donut






## ii. Pembungkusan Karipap




UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN


iii. Poster Pembungkusan Produk Donut




iv. Poster Pembungkusan Produk Karipap



## 4.5 INFO GRAFIK



### PENJENAMAAN SEMULA (PEMBUNGKUSAN PRODUK MAKANAN SEJUK BEKU BAGI SYARIKAT DURRANI LEGACY)



**NURLIYANA BINTI ABD RAHMAN**  
C17A0263  
IJAZAH SARJANA MUDA REKABENTUK  
KOMUNIKASI VISUAL  
NAMA PENYELIA : CIK IZATI NABILA BINTI MARZUKI

#### ABSTRAK

kajian ini adalah berfokus kepada penjenamaan semula ( pembungkusan produk makanan sejuk beku bagi syarikatDurrani Legacy). Hal ini demikian kerana, melalui pembungkusan yang baik dan menarik dapat meningkatkan lagi pasaran sesebuah syarikat. Kajian yang dijalankan adalah sebagai cadangan kepada syarikat Durrani Legacy terhadap rekabentuk pembungkusan yang akan saya cipta. Kajian ini akan dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui borang soal selidik di google forms yang akan dibagikan kepada pelanggan di Syarikat Durrani Legacy dan membuat analisis daripada hasil kajian tersebut dengan mengemukakan dalam bentuk carta pai.

Kata kunci : Penjenamaan, Pembungkusan, Syarikat

#### MASALAH KAJIAN

- Pembungkusan produk sejuk beku Durrani Legacy kurang menarik.
- Pembungkusan produk sejuk beku Durrani Legacy tidak menepati kesemua elemen-elemen pembungkusan.
- Jenis pembungkusan yang tidak sesuai untuk produk sejuk beku.

#### OBJEKTIF KAJIAN

01 Mengenalpasti pembungkusan yang sesuai bagi produk sejuk beku.

02 Menentukan jenis pembungkusan yang sesuai dan baik untuk produk sejuk beku.

03 Menghasilkan pembungkusan yang menarik bagi produk sejuk beku syarikat Durrani Legacy.

#### PERSOALAN KAJIAN

- 01 Bagaimanakah pembungkusan yang sesuai bagi produk sejuk beku ?
- 02 Bagaimanakah bentuk dan jenis pembungkusan yang baik dan menjamin keselamatan produk sejuk beku ?
- 03 Bagaimanakah untuk menghasilkan pembungkusan produk sejuk beku yang menarik ?

#### KAJIAN LITERATUR

**ISU-ISU PEMBUNGKUSAN PRODUK DAN CARA TANGANINYA**

Hal ini kerana "persaingan di dalam dunia perniagaan semakin mencabar" (Stewart-Knox and Mitchell, 2003; Bogue, 2002; Harmsen, 1994)". Oleh yang demikian, pembungkusan yang baik haruslah agar produk dapat bersaing dengan lebih baik di masa akan datang. Cara tanganinya:

1. melalui penggunaan teknologi.
2. Usaha yang mahir grafik boleh mencipta pembungkusan sendiri.

**Isu Label Pada Pembungkusan Produk Makanan**

Hal ini demikian kerana, pelabelan makanan pada pembungkusan telah pun digariskan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 dilihat sebagai satu insentif kerajaan bagi melindungi kepentingan pengguna dan menjamin kualiti produk makanan yang dikeluarkan.


#### METODOLOGI KAJIAN

```

graph TD
    A[MENGenalPASTI TAJUK, SCOPE, PERMAsALAHAN KAJIAN] --> B[OBJEKTIF KAJIAN]
    B --> C[DATA PRIMER]
    B --> D[DATA SEKUNDER]
    C --> E[KUANTITATIF]
    C --> F[SOAL SELIDIK]
    D --> G[LAMAN SESAWANG]
    E --> H[PERGUMPULAN DATA DAN ANALISIS]
    F --> H
    G --> H
    H --> I[PEMBANGUNAN PRODUK]
    
```


#### ANALISIS DATA

11%




89%

25%



75%

1%





99%

#### KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, bab ini merupakan penutup bagi kajian yang dijalankan. penyelidikan ini bertujuan untuk mencapai objektif kajian dan membantu dalam memberi cadangan kepada Syarikat Durrani Legacy dari segi pemilihan pembungkusan, rekabentuk pembungkusan, dan poster untuk mempromosikan produk mereka. hal ini demikian kerana, pembungkusan memainkan peranan yang penting bagi peniaga-peniaga kerana dunia perniagaan yang kian mencabar kini. Peniaga-peniaga perlu beraing dalam mempromosikan produk sehingga dikenali ramai.

#### PEMBANGUNAN PRODUK





49



#### 4.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, di dalam bab ini pengkaji telah menyimpulkan melalui tindakan responden hasil daripada borang soal selidik yang telah diedarkan iaitu secara kesimpulannya pembungkusan yang baik dan menarik amatlah penting di dalam dunia perniagaan. Majoriti responden bersetuju bahawa sesuatu pembungkusan akan melambangkan identiti sesebuah syarikat itu sendiri. Melalui pembungkusan yang baik dan menarik, pembeli akan tertarik untuk mencuba sesuatu produk tersebut. Hal ini kerana, luaran pembungkusan dahulu yang akan dilihat oleh pembeli.

Selain itu, dalam mempromosikan sesuatu produk peniaga juga haruslah membuat poster promosi untuk memperkenalkan produk mereka kepada umum hal ini kerana sudah bermacam jenis produk di masa kini yang dikeluarkan. Oleh itu, untuk memperkenalkan produk kepada umum bukan sesuatu yang mudah.



## **BAB 5 : KESIMPULAN**

### **5.0 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, bab ini merupakan penutup bagi kajian yang dijalankan. Pengkaji menjalankan penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif kajian dan juga untuk membantu dalam memberi cadangan kepada syarikat Durrani Legacy dari segi pemilihan pembungkusan, rekabentuk pembungkusan, dan poster produk untuk proses mempromosikan produk mereka.

Hal ini demikian kerana, pembungkusan memainkan peranan penting bagi peniaga-peniaga di dunia perniagaan yang semakin mencabar kini. Peniaga-peniaga perlu bersaing dalam mendapat tempat teratas dalam mempromosikan produk mereka supaya sentiasa dapat meningkatkan jualan dan dapat mengekalkan prestari perniagaan yang baik.

Seperti yang sedia maklum, di dalam dunia perniagaan tidak kira perniagaan kecil, sederhana mahupun perniagaan yang besar semuanya memerlukan strategi yang efektif agar perniagaan akan bertambah maju. Perkara yang paling penting dalam perniagaan adalah mengutamakan pandangan dan persepsi pembeli agar sentiasa rasa kelainan dan perasaan yang ingin tahu serta tertarik terhadap produk yang kan dipasarkan. Di sini, pengkaji ingin memfokuskan bahawa peniaga haruslah peka dengan setiap pemilihan pembungkusan yang tepat, penghasilan rekabentuk pembungkusan yang baik dan menarik agar dapat memikat hati pembeli untuk mencuba sesuatu produk tersebut.

**RUJUKAN**

Alhosseini, S.S.N., Danai, H & Kamrani, M.N. (2015). *Impact of Innovation Variables on Quality of Pharmaceutical Products Packaging*. Journal of Applied Packaging.

Dimuat turun daripada

<http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=asx&AN=111952106&SITE=EDS-LIVE>

Azwil, V.T. (2018). Kepentingan Pembungkusan Produk dalam Pemasaran. Sinar Harian Online 24 Januari 2018. Dimuat turun di

<http://www.sinarharian.com.my/bisnes/kepentingan-pembungkusan-produk-dalampemasaran-1.788282>

Definisi pembungkusan. Dimuat turun di

<https://pppnukm.files.wordpress.com/2016/03/pembungkusan.pdf>

Vivine, T.A. (2018). Kepentingan pembungkusan produk dalam pemasaran. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my>

Suhaila, N., Suhaily, S., & Muhammad Firdaus, M.S. (2014). Faktor-faktor penyumbang kepada kejayaan dan kegagalan Perusahaan Kecil dan Sederhana

(PKS) Bumiputera di Malaysia. Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014) (1). 1-5. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>.  
<http://doi.org/10.1.1.923.5825>.

Abdul Razak Raff. (2008). Produk makanan wajib lulus BKKM. Berita Harian, 12 Feb. 2008. Dimuat turun di laman web <http://www.food.gov.uk>.

Haika Khazi, August 28, 2019 @7.13. Dimuat turun daripada

<https://www.google.com.my/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2019/08/601119/ops-label-tumpu-isu-keselamatan-produk-makanan>

Hazlan. April 12, 2011. Dimuat turun di

<http://hairilhazlan.com/2011/04/12/pembungkusan-bijak/>

Asnita Mohd Sani. Universiti Teknologi Mara, 2000. Dimuat turun di

[https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=definisi+pembungkusan+&btnG=#d=gs\\_qabs&u=%23p%3DR5jezqzKXYAJ](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=definisi+pembungkusan+&btnG=#d=gs_qabs&u=%23p%3DR5jezqzKXYAJ)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## LAMPIRAN

Section 1 of 3

### KAJIAN MENGENAI PENJENAMAAN SEMULA (PEMBUNGKUSAN PRODUK MAKANAN SEJUK BEKU)

ASSALAMMUALAIKUM..Saya Nurliyana Binti Abd Rahman, pelajar Tahun 4 dari Universiti Malaysia Kelantan, sedang menjalankan kajian mengenai penjenamaan semula pembungkusan produk makanan sejuk beku bagi syarikat Durrani Legacy di Kuala Selangor. Harap Tuan/Puan dapat menjawab soal selidik ini. Terima Kasih atas kerjasama anda.

JANTINA

Lelaki

Perempuan

UMUR

<20 Tahun

21-30 Tahun

31-40 Tahun

41 Tahun ke atas

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

STATUS PEKERJAAN

- Awam
- Swasta
- Bekerja Sendiri
- Tidak Bekerja

KAWASAN

- Bandar
- Luar Bandar

Section 2 of 3

## Bahagian B

Pilih satu jawapan dan tandakan pada (ya) atau (tidak) dalam ruangan yang disediakan mengenai syarikat Durrani Legacy.

Adakah anda mengetahui apa itu maksud pembungkusan ?

- Ya
- Tidak

Pada pendapat anda, pentingkah seorang peniaga untuk betul-betul memahami apa itu maksud pembungkusan ?

- Ya
- Tidak

⋮

Adakah pembungkusan penting dalam dunia perniagaan ?

Ya

Tidak

⋮

Adakah pembungkusan melambangkan identiti syarikat ?

Ya

Tidak

Tidak pasti

⋮

Adakah pembungkusan yang dikenakan kepada produk di Syarikat Durrani Legacy dalam keadaan baik apabila sampai kepada anda sebagai pelanggan ?

Ya

Tidak

Adakah pemilihan pembungkusan sesuatu produk itu penting sebelum mempromosikannya ?

Ya

Tidak

⋮

Adakah pemilihan tipografi juga penting pada setiap pembungkusan ?

Ya

Tidak



## Bahagian C

Sila pilih satu jawapan. Kajian penjenamaan semula (Pembungkusan

Pada pendapat anda, adakah pembungkusan kuih-kuih frozen di Syarikat Durrani Legacy ini menepati kriteria-kriteria bagi produk makanan sejuk beku ?

Multiple choice



Pada pendapat anda, adakah warna pembungkusan kuih-kuih frozen di syarikat Durrani Legacy ini menarik ?

